

**KEFAHAMAN AGAMA
SEBAGAI PEMACU
PERPADUAN NEGARA**

**PROF. MADYA DATO' DR
MOHAMED AZAM
MOHAMED ADIL
KETUA PENGARAH
IKIM**

KANDUNGAN

Pendahuluan

Kedudukan Agama Dalam Perlembagaan Persekutuan

Rukun Negara: Tunjang Perpaduan Negara

Piagam Harmoni Malaysia: Prinsip, Nilai, Suruhan, Larangan dan Halatuju

Pendekatan Fiqh al-Ta'ayush (Hidup Bersama Secara Aman)

Piagam Madinah: Model Hidup Bersama Dalam Kepelbagaian

Penutup



PENDAHULUAN

PENDAHULUAN

Kepelbagaian etnik, suku kaum dan agama wujud sejak kemasyhuran Melaka menjadi pelabuhan terkenal di abad ke 14 Masihi.

Ramai pedagang dari Cina, India, Arab dan Eropah berdagang di Melaka. Malah terdapat perkahwinan campur.

Ini diwarisi sehingga beberapa negara Eropah seperti Portugis, Belanda dan England serta Jepun menjajah Tanah Melayu.

PENDAHULUAN

Kemasukan tenaga buruh dari Cina dan India semasa penjajahan Inggeris menambahkan lagi kepelbagaian masyarakat di Tanah Melayu sehingga negara merdeka pada tahun 1957.

Dengan pembentukan Malaysia pada 16 September 1963 menyaksikan penambahan pelbagai etnik dan agama dari Sabah dan Sarawak.

PENDAHULUAN

Perlembagaan Persekutuan yang kita miliki pada hari ini merupakan satu dokumen yang berteraskan toleransi dan penerimaan oleh semua pihak dari pelbagai agama dan bangsa.

Ia merupakan satu kontrak sosial yang dipersetujui oleh tiga etnik besar pada masa itu iaitu Melayu, Cina dan India dan diikuti dengan kemasukan Sabah dan Sarawak membentuk Malaysia pada 16 September 1963 menyaksikan penambahan kepelbagaian suku kaum.

PENDAHULUAN

Perlembagaan Persekutuan yang menjadi dokumen tertinggi negara menjamin semua rakyat hidup dalam aman dan harmoni.

Islam menjadi agama Persekutuan dan dijamin dalam Perkara 3 (1) dan kebebasan menganut dan mengamalkan agama tertakluk kepada Fasal (4) dalam pengembangan agama diperuntukkan dalam Perkara 11 (1) Perlembagaan Persekutuan.

Ini membuktikan bahawa agama-agama lain bebas dianuti dan diamalkan dengan aman dan harmoni.

PENDAHULUAN

Rukun Negara telah diisytiharkan oleh DYMM Yang di-Pertuan Agong ke IV, Almarhum Sultan Terengganu pada 31 Ogos 1970 selepas setahun negara menyaksikan tragedi berdarah pada 13 Mei 1969.

Pentingnya deklarasi Rukun Negara ini ialah ia membawa negara ke arah perpaduan yang lebih erat.

Bagi mencapai cita-cita tersebut, warga Malaysia perlu menghayati 5 prinsip yang terkandung dalam Rukun Negara.

PENDAHULUAN

Pendekatan Fiqh al-Ta'ayush (Hidup Bersama Secara Aman) perlu dihayati dalam negara Malaysia yang majoriti penduduknya adalah Muslim.

Ia mengambilkira fitrah kejadian manusia oleh Allah yang mempunyai kepelbagaian agama dan etnik di muka bumi ini.

PENDAHULUAN

Piagam Harmoni Malaysia yang telah diluluskan dalam Jawatankuasa Harmoni pada 8 Ogos 2024 dan Mesyuarat Majlis Hal Ehwal Kebangsaan Islam (MKI) pada 23 Ogos 2024 akan menjadi satu lagi dokumen penting negara bagi memupuk keharmonian di kalangan warga Malaysia.

PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

Kedudukan Agama Islam

- Perkara 3(1) Islam agama

Persekutuan

- Perkara 11 (1) Kebebasan Beragama
- Perkara 11(4) Batasan Kebebasan Beragama
- Perkara 12(2) Setiap Kumpulan agama berhak menubuh dan membiayai institusi Pendidikan.
- Kerajaan berhak memberi bantuan kepada institusi Islam.

RUKUN NEGARA: TUNJANG PERPADUAN NEGARA

Cadangan untuk mengembalikan lafaz Rukun Negara dengan bacaan penuh mukadimah (preamble) diikuti lima prinsip berkenaan di semua peringkat sekolah dan program rasmi kerajaan di seluruh negara sebagai usaha menyemai taat setia dan rasa cintakan negara telah diluluskan oleh Kabinet pada 25 Julai 2023 dan kini sedang digerakkan oleh Kementerian Perpaduan Negara dengan kerjasama kementerian lain seperti Kementerian Pendidikan dan Kawasan Rukun Tetangga (KRT).

RUKUN NEGARA: TUNJANG PERPADUAN NEGARA

Menyoroti sejarah, 54 tahun yang lalu perisytiharan Rukun Negara dibuat oleh DYMM Yang di-Pertuan Agong ke IV, Almarhum Sultan Terengganu pada 31 Ogos 1970 selepas setahun negara menyaksikan tragedi berdarah pada 13 Mei 1969.

Sejarah hitam inilah yang menyebabkan Parlimen digantung dan sebuah kerajaan Majlis Gerakan Negara (Mageran) dibentuk.

54 tahun perjalanan Rukun Negara ada pasang surutnya walaupun lima prinsipnya tertera di sekolah, pejabat kerajaan dan tempat awam.

RUKUN NEGARA: TUNJANG PERPADUAN NEGARA

Pentingnya Rukun Negara ini ialah kerana ia merupakan satu deklarasasi yang membawa cita-cita Malaysia ke arah:

- 1) Mencapai perpaduan yang lebih erat;
- 2) Memelihara satu cara hidup demokratik;
- 3) Mencipta satu masyarakat adil di mana kemakmuran negara dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama;
- 4) Menjamin satu cara liberal terhadap tradisi kebudayaan yang kaya dan pelbagai corak; dan
- 5) Membina satu masyarakat progresif dengan penggunaan sains dan teknologi moden.

RUKUN NEGARA: TUNJANG PERPADUAN NEGARA

Justeru bagi mencapai cita-cita tersebut,

5 prinsip Rukun Negara:

- 1) Kepercayaan kepada Tuhan;
- 2) Kesetiaan kepada Raja dan Negara;
- 3) Keluhuran Perlembagaan;
- 4) Kedaulatan Undang-undang; dan
- 5) Kesopanan dan Kesusilaan,

menjadi tunjang dan dasar negara
Malaysia yang berbilang bangsa dan
agama.

PIAGAM HARMONI MALAYSIA

Piagam Harmoni Malaysia telah diluluskan dalam Jawatankuasa Harmoni yang dipengerusikan oleh kedua-dua Menteri di JPM (HEA) dan Menteri Perpaduan Negara pada 8 Ogos 2024 dan Mesyuarat Majlis Hal Ehwal Kebangsaan Islam (MKI) pada 23 Ogos 2024.

Ia akan menjadi satu lagi dokumen penting negara bagi memupuk keharmonian di kalangan warga Malaysia.

PIAGAM HARMONI MALAYSIA

Piagam Harmoni mengandungi 6 prinsip, 12 nilai, 16 perkara yang perlu dilakukan, 16 perkara yang perlu dihindari dan 9 halatuju.

Kami mengharapakan ia akan menjadi satu lagi dokumen negara.

PENDEKATAN FIQH AL-TA'AYUSH

- Dengan nisbah penduduk Islam 64% dan bukan Islam 36% dari jumlah 34 juta penduduk Malaysia, perlu ada sifat saling percaya mempercayai antara satu sama lain dalam membina negara bangsa.
- Perlu ada sifat kasih sayang dan kebersamaan dalam mengharungi kehidupan yang begitu mencabar.
- Kerana itu, saling mengenali, saling memahami dan saling bantu membantu adalah ramuan utama kehidupan bermasyarakat yang bertamadun tinggi.

FIQH AL-TA'AYUSH

- Pendekatan fiqh al-ta'ayush (hidup bersama) menjadi mauduk perbincangan penting terutama sekali dalam cabaran modern hari ini dalam menguruskan kepelbagaian manusia seperti di Malaysia yang mengambilkira kepelbagaian etnik dan agama melihat kepada kehidupan masyarakat minoriti bukan Islam di negara majoriti Islam seperti Malaysia sangat relevan bagi mengekalkan keharmonian dan kesejahteraan kehidupan.

FIQH AL-TA'AYUSH

- Menurut Syeikh Abdullah bin Bayyah, perkataan “ta’ayush” membawa maksud hidup bersama-sama antara orang Islam dan bukan Islam dalam keadaan aman damai dan harmoni.
- Dr Mahasin al-Fadhl pula menambah bahawa “ta’ayush” diertikan seseorang hidup bersama dengan yang lain dalam keadaan harmoni tanpa mengganggu gugat kehidupan orang lain sekalipun berbeza dari segi etnik dan agama.

FIQH AL-TA'AYUSH

- Ini tidak bermaksud bahawa konsep fiqh al-ta'ayush merendahkan agama Islam. Menurut Syeikh Muhammad al-Syarif, konsep al-taqarrub (membina hubungan rapat) dan al-ta'ayush (hidup bersama) tidak membawa maksud menjadikan agama Islam dan agama-agama lain sama rata. Malah amalan membina hubungan rapat dalam kehidupan bersama dapat merapatkan agama Islam kepada orang bukan Islam.

FIQH AL-TA'AYUSH

- Justeru, taaruf (saling mengenali), tafahum (saling memahami) dan ta'awun (tolong menolong) merupakan tiga prinsip yang terkandung dalam fiqh al-ta'ayush demi membina sebuah ummah yang kasih mengasihi (mahabbah), bersaudara (ukhuwwah), bertoleransi (tasamuh) dan saling percaya mempercayai.

FIQH AL-TA'AYUSH

- Maka perlu difahami perbezaan hubungan manusia – antara kefahaman sebagai seorang manusia (insaniah) dan bangsa yang beriman (faith nation – al-ummah al-‘aqadiyyah).
- Manusia tetap manusia tetapi anutan agamanya berbeza. Maka, menjadi lumrah alam bahawa manusia itu menginginkan keamanan, kebersamaan dan keadilan walaupun berbeza agama dan etnik.
- Manusia sejagat perlu memahami bahawa walau apa pun perbezaan kulit, bangsa, etnik, agama malah dalam parti politik, kita semua adalah bersaudara atas nama manusia.

PIAGAM MADINAH: MODEL HIDUP BERSAMA DALAM KEPELBAGAIAN

- Melihat bagaimana Rasulullah SAW semasa menubuhkan negara Madinah, Baginda berjaya menyatupadukan warga penduduk Madinah yang terdiri dari pelbagai suku kaum dan agama.
- Peristiwa Nabi Muhammad SAW menyatukan golongan ansar dan muhajirin dengan penerimaan penduduk asal (ansar) di Madinah terhadap penduduk dari Mekah (muhajirin) merupakan satu perkara pokok ikatan persaudaraan yang berbilang agama dan kabilah.
- Piagam Madinah, sebuah dokumen penting dan juga merupakan perlembagaan bertulis pertama dunia telah menyatukan kepelbagaian kabilah dan agama dalam satu perjanjian mempertahankan hak warga Madinah dan kesepakatan semua untuk mempertahankan Madinah dalam membentuk satu ummah tanpa mengira agama dan kabilah.
- Ia mengiktiraf mengiktiraf kepelbagaian warganya sebagai satu bangsa (one nation) dengan ikatan kontrak sosial. Piagam Madinah menjamin dan mempertahankan hak setiap individu tanpa membezakan antara yang majoriti dan minoriti.

PIAGAM MADINAH: MODEL HIDUP BERSAMA DALAM KEPELBAGAIAN

25

- Piagam Madinah terdiri daripada 47 fasal. 23 fasal adalah berkaitan peranan sesama umat Islam (Muhajirin dan Ansar) manakala 24 fasal adalah berkaitan hubungan umat Islam dengan bukan Islam (Yahudi). Secara umumnya, piagam ini terbahagi kepada 5 bahagian iaitu:
- Fasal 1: Pengenalan kepada piagam ini dan mengakui tentang keesaan Allah S.W.T dan kerasulan Nabi Muhammad S.A.W.
- Fasal 2-11: Kedudukan kaum-kaum dalam negara Islam Madinah
- Fasal 12-23: Kewajipan umat Islam dari segi tanggungjawab sesama sendiri dan perkara-perkara yang patut dilakukan dan yang patut ditinggalkan.
- Fasal 24-38: Kedudukan kaum Yahudi dalam negara Islam Madinah.
- Fasal 39-47: Kedudukan Yathrib (Madinah) sebagai sebuah kota yang suci dan harus dipertahankan oleh penduduknya dalam segala peperangan.

PIAGAM MADINAH: MODEL HIDUP BERSAMA DALAM KEPELBAGAIAN

- Daripada intipati Piagam Madinah, dapatlah disimpulkan beberapa faedah yang boleh dimanfaatkan iaitu:
- 1. Kerukunan dan kesejahteraan ummah adalah bukan dicapai dengan menghilangkan fitrah asal kejadian manusia yang mempunyai bangsa yang berbeza-beza bahkan ia perlu diraikan.
- 2. Hak dan tanggungjawab kaum bukan Islam adalah setara dengan hak Muslim selama mana mereka menjaga tanggungjawab sebagai rakyat yang taat dan patuh kepada perjanjian.
- 3. Kekukuhan ukhuwah sesama rakyat adalah tunjang kesepaduan.
- 4. Bersama membuat kebaikan dan mencegah kemungkaran.
- 5. Tidak boleh belot dan merungkaikan kesatuan.
- 6. Pengiktirafan Allah dan Rasul-Nya sebagai sumber rujukan dan perundangan.

PIAGAM MADINAH: MODEL HIDUP BERSAMA DALAM KEPELBAGAIAN

- Menurut Siddiq Fadzil, melihat kepada komuniti negara Madinah yang dibina oleh Rasulullah SAW, ia tidak dinamakan bangsa (sha'b) tetapi disebut sebagai ummah.
- Kerana itu, pembentukan negara Madinah yang bertunjangkan Sahifah Madinah mengasaskan satu ummah yang sepadu dalam satu ikatan, meliputi kesetiaan kepada negara dan pucuk pimpinan, komitmen kepada prinsip keadilan dan hak-hak asasi manusia serta beriltizam dan bertanggungjawab mempertahankan negara demi keselamatan bersama.
- Maka, menurut Siddiq Fadzil, istilah ummah tidak hanya dikhususkan hanya kepada orang Islam sahaja tetapi mempunyai pengertian yang luas merangkumi orang Islam dan orang bukan Islam.
- Malangnya, akibat perbuatan khianat oleh kaum Yahudi, pengertian ummah yang merangkumi kepelbagaian penganut agama telah disempitkan hanya kepada umat Islam.

KESIMPULAN

- Pembentukan sebuah negara bangsa Malaysia menuntut semua warganegara mempertahankan perlembagaan yang merupakan dokumen tertinggi negara.
- Semua warganegara mempunyai hak kesamarataan di sisi undang-undang dan sebarang diskriminasi atas nama agama, kaum, keturunan, tempat lahir dan jantina adalah ditegah sama sekali (Perkara 8(1) (2) Pelembagaan Persekutuan).
- Meskipun begitu, dalam memastikan kesaksamaan agar keadilan tercapai, Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan dimasukkan demi mengangkat martabat golongan tercicir dari kalangan bumiputra tanpa mengabaikan hak bukan bumiputra.

KESIMPULAN

- Perkara 11(1) dan 3(1): Setiap individu berhak untuk menganut dan mengamalkan agamanya dengan syarat ianya dilakukan dengan aman dan harmoni.
- Islam hanya satu-satunya agama yang disebut dalam Perlembagaan Persekutuan di bawah Perkara 3(1).
- Kebebasan beragama tidak bersifat mutlak. Tertakluk kepada Perkara 11(4) dan 11(5).

KESIMPULAN

- Penghayatan kepada Rukun Negara sangat penting bagi memupuk perpaduan bangsa Malaysia tanpa mengira latar belakang agama dan etnik.
- Piagam Harmoni Malaysia perlu diangkat menjadi dokumen ketiga negara bagi menjamin keharmonian antara warga Malaysia.
- Pendekatan Fiqh al-Ta'yush mesti diterapkan dalam kefahaman minda semua warga manusia yang berbilang agama dan bangsa.

KESIMPULAN

- Konsep negara bangsa Malaysia mempunyai persamaan dengan “satu ummah” yang diperkenalkan oleh Rasulullah SAW di Madinah yang melangkaui agama dan etnik.
- Keempat-empat dokumen yang dikupas mempromosi semangat nasionalisme dan patriotik yang tinggi berdasarkan hidup bersama dengan harmoni, berkasih sayang, rahmat dan bertanggungjawab.

TERIMA KASIH

Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam
Mohamed Adil

017-280 8700

mazamadil@ikim.gov.my

mazamadil1966@gmail.com